

# **KEBERKESANAN PROGRAM “CORPORATE SMART INTERNSHIP” (CSI) JABATAN PENJARA MALAYSIA UNTUK ORANG DI SELIA (ODS) DI LYPOMETAL SDN. BHD.**

Nurul Najwa Mohamad<sup>1</sup> dan Alminnourliza Noordin<sup>2</sup>

<sup>1-2</sup>*Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan, Universiti Utara  
Malaysia, 06010 Sintok, Kedah  
najwa\_mohamad245@yahoo.com<sup>1</sup>, alminnourliza@stml.uum.edu.my<sup>2</sup>*

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan program “Corporate Smart Internship” (CSI) Jabatan Penjara Malaysia untuk Orang Di Selia (ODS) di Lypometal Sdn. Bhd. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan temu bual separa berstruktur. Kajian dijalankan ke atas keseluruhan responden iaitu sebanyak tiga puluh enam orang ODS berdasarkan jumlah klien yang berada di bawah seliaan pejabat parol. Manakala, terdapat dua orang ODS diambil secara rawak untuk ditemu bual. Analisis dibuat berdasarkan kepada tema-tema tertentu bagi mencapai objektif kajian. Objektif kajian adalah mengkaji tahap keberkesanan program CSI Jabatan Penjara Malaysia untuk ODS, memberi kefahaman kepada masyarakat dan badan korporat dalam membantu proses pemulihan ODS serta mengenal pasti persepsi ODS terhadap program CSI yang diterima. Data dikumpul melalui temu bual secara mendalam dengan responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga tema yang mempengaruhi keberkesanan program iaitu peranan penyelia ODS, cabaran mengikuti program CSI dan penilaian program pemulihan. Ringkasan daripada keputusan menunjukkan ODS dapat meningkatkan kefungsan diri dan secara positif menerima perkhidmatan kerjaya dan intervensi dalam program CSI.


**Kata kunci:** Orang diselia (ODS), *Corporate Smart Internship* (CSI), peranan penyelia, cabaran, penilaian program

## **1. PENGENALAN**

Kejayaan pemulihan di luar tembok penjara terbukti dengan kadar residivis rendah atau dikenali sebagai banduan yang mengulangi jenayah. Residivis yang rendah adalah berhubung kait dengan keberkesanan program pemulihan yang diberikan kepada banduan bermula dengan bimbingan dan pembentukan disiplin diri, latihan kemahiran sehinggalah integrasi semula banduan bersama masyarakat. Selaras dengan perancangan Jabatan Penjara untuk memastikan 2/3 banduan menjalani program pemulihan di luar tembok penjara menjelang tahun 2030, integrasi banduan bersama masyarakat menjadi benteng kepada banduan untuk tidak mengulangi kesalahan. Walaupun belum dibebaskan, mereka yang layak mengikuti program tidak lagi dipanggil banduan, tetapi dinamakan sebagai Orang Di Selia (ODS). Program pemulihan di luar tembok penjara melibatkan kerjasama pihak swasta menerusi Corporate Smart Internship (CSI) bagi Orang Di Selia (ODS) memberi impak yang besar terhadap pemulihan mereka. Program CSI antara platform terbaik membantu ODS menyesuaikan diri sebelum kembali kepada masyarakat.

Menurut Miner (2002), program pemulihan telah memberi bimbingan dan pendedahan kepada banduan dan sebagai persediaan untuk kembali ke pangkuan masyarakat sepenuhnya. Namun, menurut Hayden (2010), program pemulihan yang mempunyai faktor utama penjenayah mengulangi tingkah laku mereka dan persekitaran secara tidak langsung menyediakan satu set risiko yang menggalakkan banduan lain untuk memperkukuhkan tingkah laku jenayah.

Penyelia ODS juga memainkan peranan penting dalam membantu ODS meningkatkan semula keupayaan interpersonal dan intrapersonal mereka dalam hubungan masyarakat. Dari hasil kajian berkenaan temu bual tentang keberkesanan program CSI bahawa penyelia ODS yang terdiri daripada staff penjara seramai 15 orang yang begitu banyak memberi peranan. Antaranya, pemulihan di luar tembok. Mereka bagaikan emak dan ayah kepada ODS yang memberi nasihat dan teguran yang berguna. ODS boleh bertindak di luar kawalan. Namun penyelia ODS akan ambil peranan. Penyelia ODS juga dapat mengesan sekiranya ODS menghadapi masalah untuk menanyakan masalah tersebut dan cuba untuk selesaikan. Penyelia ODS menggunakan pendekatan untuk rapat dengan ODS. Penyelia ODS mempunyai kemahiran mendengar, bukan sahaja bermaksud dengan jelas tentang sesuatu perkara, bahkan memahami isi tersurat dan isi tersirat ODS dengan lebih mendalam. Penyelia telah mewujudkan kemahiran dalam usaha mengekalkan hubungan bersama ODS.



**Rajah 1**  
Kerangka kajian

## 2. METODOLOGI

Kajian kualitatif merupakan satu bentuk pertanyaan soalan sosial dan memfokuskan kepada cara interpretasi manusia serta logikal dari segi pengalaman terhadap persekitaran. Pengkaji menggunakan kaedah kajian berbentuk temubual secara berstruktur untuk melihat persepsi ODS terhadap keberkesanan program tersebut. Pemilihan reka bentuk kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif bagi mendapatkan hasil kajian yang menyeluruh dalam setiap aspek persoalan yang dikaji. Metod kualitatif boleh didefinisikan sebagai kaedah memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretas, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa sahaja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010).

## 3. HASIL DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan jumlah responden yang terdiri daripada 36 responden. Terdapat 3 jenis bangsa iaitu Bangsa Melayu seramai 23 orang bersamaan (64%). Bangsa Cina 2 orang (5%) dan India 11 orang (31%). Terdapat 23 orang (64%) responden yang beragama Islam, manakala responden beragama Hindu 10 orang (28%), diikuti yang beragama Budha 2 orang (5%) dan 1 orang (3%) beragama Kristian.

**Jadual 1**  
Demografi

	Kekerapan	Peratus
<b>Bangsa</b>		
Melayu	23	64%
Cina	2	5%
India	11	31%
<b>Agama</b>		
Islam	23	64%
Hindu	10	28%
Kristian	1	3%
Budha	2	5%
<b>Umur</b>		
21-29 tahun	13	36%
30-39 tahun	15	42%
40-49 tahun	7	19%
50-59 tahun	1	3%

Bilangan responden yang berumur antara 21-29 tahun berjumlah 13 orang (36%). Responden yang berumur 30-39 seramai 15 orang (42%). Responden yang berumur 40-49 terdapat 7 orang (19%) serta yang berumur 50-59 hanya seorang sahaja (3%). Maklum balas yang diberikan oleh ODS, mengenai cabaran dari sudut psikologi dan sosial yang dihadapi oleh mereka. Cabaran dalam konteks kajian ini ialah bagaimana tahap psikologi dan sosial sepanjang ODS berada dalam program yang dijalankan. Tingkah laku negatif ODS berlaku disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal. Kemudian, penilaian program pemulihan. Penilaian secara keseluruhan mengenai program pemulihan ODS ialah aktiviti program intervensi mendapati responden menyatakan aktiviti semasa program intervensi yang dijalankan membantu mereka dalam usaha mengembalikan semangat dan kefungsiannya diri mereka. Program pemulihan terbabit telah mengajar mereka mengenal pasti kekuatan yang dimiliki dan boleh diperkasakan.

Sepanjang Program, tahap keberkesanan program CSI tiada sebarang aduan dan masalah yang timbul dari Pihak Syarikat dan anggota yang bertugas tentang disiplin ODS sepanjang perjalanan harian program. Dalam isu tindakan tatatertib terhadap ODS, sepanjang bulan semua ODS menunjukkan disiplin yang baik dan memuaskan. Tiada sebarang pelanggaran peraturan dilakukan oleh ODS. Untuk makluman, tiada sebarang isu berbangkit atau yang masalah timbul dari aspek seperti tempat tinggal, tempat kerja, pengangkutan dan pengurusan layanan serta kelengkapan asas terhadap ODS dalam tempoh ini. Pihak dari Program Reintegrasi Penghuni Industri (PRPI) tidak menerima sebarang komen atau aduan yang bersifat negatif berkenaan ODS, pegawai dan anggota mengenai disiplin, waktu bekerja, produktiviti atau sebarang isu yang boleh mencemarkan “key performance indicators” (KPIs) program ini dan Jabatan Penjara sepanjang ia mula dijalankan. Walau bagaimanapun tidak dinafikan berlaku sedikit teguran berkaitan kualiti produk yang dihasilkan oleh ODS. Perkara berkenaan dapat diatasi melalui perbincangan dan rundingan antara penyelia ODS dan pihak pengurusan kilang. Kemudian, dengan adanya program CSI ini dapat memberi kefahaman kepada masyarakat dan badan korporat dalam membantu proses pemulihan ODS.

Kini, orang awam tidak terasa takut dengan ODS. Masyarakat memandang ODS boleh diharap dan boleh menerima mereka. Di sekitar perumahan berhampiran Lypometal Sdn. Bhd

pada awalnya timbul kerisauan masyarakat akan keselamatan, lama-kelamaan masyarakat sudah faham. ODS telah menerima manfaat dari program ini dan telah melibatkan banyak syarikat swasta yang membuka peluang untuk ODS. Seterusnya, Semasa temu bual dilakukan, pengkaji telah mendapat pelbagai persepsi daripada responden mengenai program CSI yang dijalankan. Malah pengkaji juga berpeluang untuk mendapatkan gambaran secara khusus mengenai aktiviti-aktiviti program pemulihan yang dijalankan seperti program intervensi, program kerjaya dan program kemasyarakatan. Responden berkongsi bahawa program ini rasa sangat berguna. Hukuman yang ditempuhi terlalu lama, mempunyai banyak kemahiran dalam program ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga tema yang mempengaruhi keberkesanan program iaitu peranan penyelia ODS, cabaran mengikuti program CSI dan penilaian program pemulihan.

#### **4. KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, program CSI dijalankan untuk memberi pemulihan kepada ODS sebelum mereka kembali menjalani kehidupan harian dalam komuniti. Kajian ini mendapati program ini telah menyalurkan perkhidmatan yang efektif dalam usaha membantu mengintegrasikan ODS dalam masyarakat serta mengupayakan diri ODS. Hasil kajian mendapati responden telah memberi maklum balas yang positif mengenai perjalanan setiap program yang dijalankan. Responden juga berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi sepanjang mengikuti program CSI ini.

#### **5. RUJUKAN**

- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1).
- Hayden, C. (2010). Offending behaviour in care: Is children's residential care a criminogenic environment? *Child and Family Social Work*, 15(4), 461-472.
- Miner, M. H. (2002). Factors associated with recidivism in juveniles: An analysis of serious juvenile sex offenders. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 39(4), 421-436.